

Headline	FRIM tubuh JSK bantu usaha capai tapak warisan dunia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,505
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,515



FRIM tubuh JSK bantu usaha capai tapak warisan dunia

KETUA Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod baru-baru ini melancarkan Jawatankuasa Sahabat Komuniti Tapak Warisan Kebangsaan FRIM (JSK-FRIM) bagi memperkasa sokongan komuniti setempat dalam menyokong dan mendokong usaha pengiktirafan FRIM sebagai Tapak Warisan Dunia (WHS) Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (UNESCO).

Majlis pelancaran dan aktiviti ramah mesra bersama komuniti

yang diadakan di FRIM, Kepong itu dihadiri ahli-ahli jawatankuasa tersebut, wakil-wakil agensi, ahli-ahli majlis, dan komuniti.

Abd. Latif berkata, penyertaan komuniti setempat adalah penting dalam menyumbang pengetahuan dan maklumat asas yang boleh dijadikan panduan oleh pihak berkuasa, khususnya pengurusan FRIM dalam merangka keputusan atau tindakan yang akan diambil.

Beliau percaya, penglibatan komuniti dalam program serta aktiviti yang dijalankan oleh FRIM akan lebih efektif dengan

pembentukan jawatankuasa khas tersebut.

Jawatankuasa tersebut dianggotai perwakilan daripada enam penempatan komuniti dalaman FRIM dan perwakilan daripada 26 penempatan komuniti kawasan kejiranan.

Abd. Latif berharap jawatankuasa tersebut akan menjadi satu platform khusus bagi komuniti setempat berbincang mengenai perancangan, penyelesaian masalah, perkongsian kaedah yang dapat membantu meningkatkan penyertaan komuniti dalam pemuliharaan FRIM.

Seramai 250 orang hadir

Headline	FRIM tubuh JSK bantu usaha capai tapak warisan dunia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,505
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,515

ituga menyahut seruan Abd. Latif dan berikrar memberi yang terbaik dan bersama menjaga persekitaran serta memastikan harapan untuk FRIM menjadi Tapak Warisan Dunia tercapai dan kampusnya terus terpelihara.

Dalam pada itu Abd. Latif turut melancarkan kumpulan *Junior BioD Rangers (JBR)* yang merupakan sebahagian daripada program *Citizen Science* yang dikendalikan oleh Program Pengurusan Tapak Warisan FRIM.

Fokus pembentukan kumpulan itu adalah untuk mewujudkan peranan sebagai

pemelihara alam sekitar bagi golongan kanak-kanak dan remaja berusia antara tujuh hingga 17 tahun yang tinggal di dalam kampus FRIM.

Sasarannya adalah untuk memupuk cinta dan semangat kesedaran alam sekitar dalam kalangan golongan muda ini menerusi pendekatan *to learn by doing*.

Kumpulan tersebut terdiri daripada 20 wakil anak-anak kakitangan yang akan berperanan sebagai 'mata dan telinga' FRIM. Pelbagai aktiviti alam sekitar akan diatur untuk melatih kumpulan berkenaan.

Pelbagai aktiviti diadakan

sempena majlis tersebut, termasuklah antaranya tarian sewang oleh ahli komuniti Kampung Orang Asli Bukit Lagong dan Sungai Buloh; demonstrasi masakan makanan etnik; persembahan pencak silat; serta bazaar pameran kraf dan hasil pertukangan tangan.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM Datuk Rahim Sudin; Pengerusi JSK-FRIM, Mohd. Azzirin Abu Dolah; Pengarah Bahagian Perancangan Penyelidikan FRIM, Dr. Nur Supardi Md. Noor serta Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM, Dr. Samsudin Musa.